



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

3 OGOS 2020 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

3 OGOS 2020 (ISNIN)

Kes penipuan transaksi beli dalam talian serius

Pembeli sudah buat bayaran, barangan dipesan tidak diterima

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Marang: Pengguna diminta berhati-hati ketika membuat pembelian barangan secara dalam talian berikutan kes penipuan menerusi transaksi perbankan semakin serius sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata kes penipuan berlaku apabila bayaran sudah dibuat oleh pembeli secara dalam talian, tetapi barangan dipesan tidak diterima.

Beliau berkata, di Terengganu saja, sebanyak 298 aduan membabitkan kes penipuan itu diterima KPDNHEP Terengganu sehingga kini dan siasatan giat dijalankan.

"Bagi kes dalam negara, mungkin KPDNHEP bersama polis dapat mengesannya, namun bagi kes yang berpangkalan di luar negara, ia agak sukar diambil tindakan," katanya selepas Program Lawatan ke Penjara Marang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Penjara Terengganu, Timbalan Komisioner Ahmad Saidi Hamzah dan Pengarah Penjara Marang, Penolong Kanan Komisioner Nik Robidin Ab Rahman.

Rosol berkata, ramai individu tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap orang ramai dalam urusan perniagaan secara dalam talian itu.

Beliau berkata, pengguna sepatutnya menyemak dulu la-



Rosol (tiga dari kiri) pada Program Lawatan ke Penjara Marang, semalam.

(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

Biasanya scammer menawarkan harga sangat murah bagi perangkap pembeli untuk membeli barangan dijual tanpa berfikir panjang.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

tar belakang penjual, testimoni pembelian sebelum meneruskan urusan jual beli.

"Banyak juga kes yang mana 'scammer' menggunakan nama dan identiti orang lain untuk tujuan penipuan. Ini satu penganiayaan.

"Difahamkan, lebih 20,000 kes seperti itu, jadi saya berharap orang ramai berwaspada dan memastikan keselamatan identiti masing-masing.

"Jangan sewenang-wenangnya mendedahkan nombor kad pengenalan atau kata laluan media sosial kepada umum kerana bimbang disalah guna orang

lain," katanya.

Beliau berkata, kes penipuan biasanya membabitkan jualan barangan elektrik dan elektronik termasuk telefon bimbit.

"Biasanya scammer menawarkan harga sangat murah bagi memerangkap pembeli untuk membeli barangan dijual tanpa berfikir panjang.

"Bayangkan, jika telefon bimbit terkini yang canggih berharga RM5,000 mengikut harga pasaran, tetapi penjual iaitu scammer menawarkan harga serendah RM2,000. Pasti ia akan menyebabkan pengguna teruja membeli tanpa berfikir panjang dan akhirnya tertipu," katanya.

Kenaikan sejak tiga minggu lalu akibat kekurangan pengeluaran dari ladang

Harga telur ayam naik 10 sen sebiji

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

KANGAR – Pengguna di negeri ini terpaksa berbelanja lebih apabila harga telur ayam bagi semua gred naik sebanyak 10 sen sebiji sejak tiga minggu lalu dipercayai akibat kekurangan bahan mentah itu daripada pembekal.

Bagaimanapun, tinjauan mendapati bekalan telur ayam dalam pasaran masih lagi mampu menampung keperluan semasa.

Pemborong utama ayam di Perlis, Seah Chong Ghee, 59, berkata, harga bahan mentah itu menunjukkan peningkatan yang konsisten sejak awal Julai lalu, iaitu 3 sen setiap minggu.

Menurutnya, kekurangan ayam yang menghasilkan telur dari peringkat pembekal menjadikan jumlah bekalan kepada pemborong berkurangan.

"Kini harganya mencecah 10 sen sebiji. Saya mempunyai dua pembekal iaitu dari Taiping, Perak dan Sungai Petani, Kedah. Dalam seminggu saya menerima kira-kira 425,000 biji telur berbanding 450,000 biji sebelum ini.

"Sekarang, mereka (pembekal) kurang bela anak ayam baharu untuk menghasilkan telur. Bagi ayam tua pula mereka sudah jual, sebab itulah harga boleh naik," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Harga telur ayam gred A dan AA ketika ini dijual antara RM3.90 hingga RM4.20 bagi 10 biji, manakala bagi gred B, C dan D, masing-masing dijual antara RM3.30 hingga RM3.70.

Sementara itu, seorang pengguna, Ajis Hamzah, 63, berkata, peningkatan harga itu tidak terlalu dirasainya kerana tidak mendadak dan hanya membeli dalam kuantiti yang sedikit.



CHONG Ghee menyusun telur ayam yang dijual di premisnya di Kangar semalam.

Saya tidak terasa sangat sebab naik pun sikit-sikit dan saya pun hanya beli 10 hingga 15 biji untuk makan sendiri sahaja. Kalau beli dengan barang-barang lain mungkin terasa," ujarnya.

AJIS HAMZAH

"Saya tidak terasa sangat, sebab naik pun sikit-sikit dan saya pun hanya beli 10 hingga 15 biji untuk makan sendiri sahaja. Kalau beli dengan barang-barang lain mungkin terasa," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, harga telur ayam di pasaran bagi gred B dan C di negeri ini

naik tiga minggu berturut-turut tetapi masih lagi dalam keadaan terkawal.

Menurutnya, harga telur ayam gred B naik sebanyak satu sen selama tiga minggu berturut-turut bermula awal Julai kepada 31, 32 dan 33 sen sebiji.

Katanya, telur ayam gred C pula naik sebanyak dua sen bagi tempoh yang sama kepada 27, 29 dan 31 sen sebiji.

"Bagaimanapun, tiada kenai-

Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
Ayam	5.29
Daging Lembu Tempatan	34
Daging Lembu Import	20
Telur Gred A	9.70
Ikan Kembung	5.99
Minyak Masak	5.10
Gula Pasir	2.85
Bawang Besar Holland	1.90
Bawang Putih	3.60
Cili Merah	8.99
Kubis Bulat Tempatan	1.50
Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP

kan bagi telur ayam gred A yang kekal pada harga 38 sen sebiji. Kenaikan bagi gred B dan C adalah sedikit sahaja dan RM3.90 bagi 10 biji telur boleh dikatakan murah.

"Buat masa ini, kami belum menerima aduan daripada pengguna berhubung kenaikan harga telur dalam pasaran," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, harga telur yang dikawal pernah mencecah sehingga 42 sen sebiji semasa skim harga maksimum.

"Untuk telur ayam ini kita tidak kawal sepanjang masa. Kawalan selalunya dibuat semasa skim harga maksimum," ujarnya.

Pantau kedai tidak letak tanda harga

SAUDARA PENGARANG.

TIDAK meletakkan tanda harga adalah satu kesalahan dan peniaga yang terlibat kebisaannya akan dikenakan kompaun oleh anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Terdapat beberapa akta yang boleh digunakan untuk tujuan itu termasuk Perintah 3(1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Peruncit) 1993 dan Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972.

Apa yang saya ingin bangkitkan, perbuatan tidak meletakkan tanda harga meningkat ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kes itu melibatkan kedai runcit terkenal yang mempunyai lebih 1,000 cawangan yang memang mendapat sambutan hangat kerana menawarkan harga barangan cukup murah.

Ketika PKP terutama pada minggu-minggu

terawal, wujud rasa panik dalam kalangan masyarakat sehingga ada yang membeli barangan dalam jumlah yang banyak.

Ekoran itu, stok barangan baharu terpaksa ditambah. Disebabkan jumlah pekerja yang sedikit kerana mahu menjimatkan kos, semua barangan terbabit tidak

“**Wujud rasa panik dalam kalangan masyarakat sehingga ada yang membeli barangan dalam jumlah yang banyak.”**

mempunyai tanda harga kerana pekerja ada banyak tugas lain yang perlu dibuat.

Antara tugas pekerja kedai runcit itu adalah mengangkat dan menyusun barangan yang memang cukup memenatkan.

Memang memeningkan fikiran pelanggan apabila barangan terbabit tidak mempunyai tanda harga. Namun oleh kerana kedai runcit terbabit dikenali menjual barangan murah, pembeli mengambil sahaja barangan tersebut dan harga sebenar hanya diketahui selepas melihat resit.

Oleh itu, saya berharap KPDNHEP dapat memberi penjelasan sama ada kedai sedemikian diberi pelepasan untuk tidak meletakkan tanda harga.

Walaupun PKP telah berakhir dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), pembelian panik oleh orang ramai mungkin boleh berlaku sekali lagi disebabkan faktor-faktor lain.

Adakah kedai runcit terbabit akan sekali lagi dibiarkan terlepas tanpa dikenakan tindakan?